



SIARAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

PENDARATAN TUNA MAMPU CAPAI RM1 BILION PADA 2020

Langkawi, 13 Jun – Hasil pendaratan ikan tuna negara dijangka mencapai 130 ribu tan metrik dengan nilai RM1 bilion menjelang 2020 berbanding 75 ribu tan metrik tahun ini, dengan usaha Kerajaan dan sokongan pihak swasta, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Sebahagian besar daripada tuna yang didaratkan di Malaysia ketika ini adalah daripada spesies-spesies neritik, atau perairan pantai seperti *skipjack* (tongkol/aya jalur) dan *longtail* (tongkol/aya hitam). Kerajaan berhasrat meningkatkan pendaratan spesies-spesies laut dalam melebihi 600 meter atau oseanik, contohnya *bigeye*, *albacore* dan *yellowfin*.

“Perikanan tuna, terutama yang bergred tinggi mempunyai nilai pasaran yang besar berikutan permintaan menggalakkan daripada Jepun, Eropah, Timur Tengah dan Taiwan.

“Oleh itu, Kerajaan menyeru penglibatan syarikat-syarikat swasta dalam industri tuna ini yang mampu memberikan pulangan lumayan. Pada masa yang sama, hasil eksport produk ini akan membantu memperbaiki imbalan dagangan sektor agromakanan negara,” sambung Shabery.

Beliau ditemui ketika melawat Pelabuhan Tanjung Lembung di sini hari ini, untuk melihat sendiri pendaratan pertama hasil tuna daripada Lautan Hindi di pelabuhan tersebut.

Lautan Hindi adalah kawasan perairan kedua terpenting bagi penangkapan tuna dan menyumbang 20% daripada hasil pengeluaran dunia. Sebagai salah sebuah daripada 32 negara ahli *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC), Malaysia telah diberi kuota sebanyak 135 buah vesel yang boleh beroperasi di Lautan Hindi.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Haji Ismail Abu Hassan, sehingga Jun 2016 Jabatan Perikanan telah melesenkan 5 buah vesel, dan vesel-vesel tersebut telah mula beroperasi di Lautan Hindi. Sekiranya keseluruhan kuota 135 vesel ini dipenuhi, Jabatan meletakkan sasaran untuk mencapai pendaratan tuna Lautan Hindi sejumlah 30 ribu tan metrik bernilai RM300 juta pada 2020.

Pelabuhan Tanjung Lembung Langkawi merupakan salah satu pelabuhan yang telah didaftarkan dengan IOTC untuk pendaratan tuna Lautan Hindi. Sebuah lagi pelabuhan di Malaysia yang telah didaftarkan adalah Dermaga Air Dalam Pelabuhan Pulau Pinang.

“Kejayaan pendaratan pertama di Pelabuhan Tanjung Lembung hari ini adalah hasil kerjasama erat pelbagai pihak termasuk Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Langkawi Port Sdn Bhd (LPSB) dan syarikat Asia Tank Trading Sdn Bhd.

Kami mensasarkan untuk menarik pelaburan swasta sejumlah RM2 bilion di seluruh negara sehingga 2020, sepanjang keseluruhan rantai nilai industri tuna termasuk pengusaha vessel, pengurusan pelabuhan, pengangkutan dan logistik, pemprosesan, pengeksportan dan pemasaran,” tambah Ismail.

LPSB, dalam satu kenyataan berkata ia mengalu-alukan program pendaratan tuna di Pelabuhan tersebut, yang merupakan satu inisiatif strategik yang akan membawa limpahan manfaat ekonomi dan menambahkan produk Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama dunia. Ia menyokong projek ini dengan menaik taraf beberapa kemudahan asas seperti bilik sejuk dan ruang penyimpanan.

Fasa berikutnya, Asia Tank Trading Sdn Bhd akan meningkatkan lagi projek ini dengan pembinaan pusat pemprosesan tuna. Pihak LADA juga sedang menaik taraf dermaga dengan kos RM25 juta yang boleh meningkatkan kemudahan pendaratan kepada vessel tuna pada masa depan.

+ tamat +